

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

SEW213 - Makroekonomi I

Masa : [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH BELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**PERINGATAN**

Soalan kertas ini terbahagi kepada **TIGA** (3) Bahagian A, B dan C. **SEMUA** soalan dalam Bahagian A dan B **MESTI** dijawab. Jawab **DUA** (2) soalan sahaja dari Bahagian C.

**BAHAGIAN A** [20 markah]

Jawab **SEMUA** soalan dari Bahagian ini.

[Soalan objektif berbagai pilihan jawapan: 20 markah]  
Anda hanya perlu tulis (pilih) jawapan yang paling tepat ke dalam buku jawapan.

**SOALAN 1** [20 markah]

- (a) Tiga orang mahasiswa (i), (ii), dan (iii) telah mengemukakan hipotesis masing-masing kepada pensyarah mereka untuk diuji:
- (i) : Penggunaan kad kredit telah memberi sumbangan utama kepada inflasi
  - (ii) : Sikap memilih kerja adalah penyebab utama berlaku pengangguran di kalangan siswazah
  - (iii) : Kecekapan menyebabkan firma memperolehi keuntungan yang lebih

Manakah kenyataan berikut ini yang tepat berhubung dengan hipotesis di atas?

- A : Semua hipotesis bersifat kenyataan positif di dalam bidang makroekonomi
- B : Semua hipotesis bersifat kenyataan positif di dalam bidang mikroekonomi
- C : Kecuali (iii) berkenyataan normatif (lain-lain positif) tetapi semuanya di dalam bidang makroekonomi
- D : Kecuali (iii) bidang mikroekonomi (lain-lain makroekonomi) tetapi semuanya berkenyataan positif
- E : Entah, saya tak dapat pastikan

(b) Makroekonomi ialah sains sosial yang mengkaji ekonomi secara agregat atau menyeluruh. Tiga isu utama dalam makroekonomi ialah :

- A : Dasar makroekonomi, inflasi, dan pengangguran
- B : Inflasi, pengangguran, dan pertumbuhan output
- C : Pengangguran, pertumbuhan output, dan tenagakerja
- D : Pertumbuhan output, tenagakerja, dan dasar makroekonomi
- E : Tenagakerja, dasar makroekonomi dan inflasi

(c) Kaji definasi berikut :

- (i) Kadar inflasi (IR) ialah peratusan kenaikan harga umum (pg) bagi sesuatu tempoh di dalam sesebuah ekonomi. Ringkasnya

$$IR = \frac{PG2 - PG1}{PG1} \times 100$$

- (ii) Kadar pengangguran (UER) ialah peratusan buruh yang tidak berkerja (UE) berbanding dengan jumlah buruh (TE). Ringkasnya

$$UER = \frac{UE}{TE} \times 100 = \frac{TE - \text{working E}}{TE} \times 100$$

- (iii) Kadar pertumbuhan (GR) ialah peratusan kenaikan output (O) sebuah ekonomi bagi sesuatu tempoh. Ringkasnya

$$GR = \frac{O_2 - O_1}{O_1} \times 100$$

- A : Ketiga-ketiga definasi di atas betul dan setiap satu boleh memberi gambaran kadar kenaikan tahunan
- B : Ketiga-ketiga definasi di atas betul tetapi semua tidak boleh memberi gambaran kadar kenaikan tahunan
- C : Ketiga-tiga definasi di atas betul dan semuanya boleh memberi gambaran kenaikan tahunan kecuali (ii)
- D : Ketiga-tiga definasi di atas betul dan semuanya boleh memberi gambaran kenaikan tahunan kecuali (iii)
- E : Ketiga-tiga definasi di atas betul dan setiap satu tidak boleh memberi gambaran kadar kenaikan tahunan kecuali (i)

- (d) Kaji jadual berikut :

<u>Tahun</u>	<u>Indeks Harga Umum</u>
1977	135.0
1978	146.2
1979	165.8
1980	195.6
1981	218.8
1982	237.6
1983	248.6
1984	260.9
1985	276.8

Tahun-tahun yang mengalami inflasi dua-angka (double-digit inflation) ialah:

- A : Hanya tiga tahun sahaja iaitu tahun 1978, 1979 dan 1980
- B : Hanya tiga tahun sahaja iaitu tahun 1979, 1980 dan 1981
- C : Lebih daripada tiga tahun termasuk tahun 1979, 1980 dan 1981
- D : Lebih daripada tiga tahun termasuk tahun 1978, 1979 dan 1980
- E : Semua tahun mengalami inflasi dua-angka

...4/-

- (e) Kaji kegiatan-kegiatan urusniaga berikut :
- (a) memiliki faktor pengeluaran yang boleh ditawarkan kepada pihak yang membuat permintaan
  - (b) menggunakan faktor pengeluaran bagi mengeluarkan output
  - (c) menerima pendapatan sebagai pertukaran dengan faktor pengeluaran yang ditawarkan
  - (d) membayar kerana menggunakan faktor-faktor pengeluaran
  - (e) berbelanja ke atas barang-barang dan perkhidmatan
  - (f) menjual barang-barang dan perkhidmatan kepada pihak yang membuat permintaan

Teliti kenyataan-kenyataan berikut berhubung dengan kegiatan di atas

- (i) Urusniaga ini berlaku di antara isirumah dengan firma
- (ii) Urusniaga ini berlaku di antara sektor swasta dengan sektor awam
- (iii) Urusniaga ini berlaku di antara isirumah, firma dan kerajaan
- (iv) Kegiatan a, c dan e dilaksanakan oleh isirumah dan b, d dan f dilaksanakan oleh firma
- (v) Kegiatan a, c dan e dilaksanakan oleh sektor swasta dan b, d dan f dilaksanakan oleh sektor awam
- (vi) Kegiatan a dan e dilaksanakan oleh isirumah, b dan d dilaksanakan firma, c dan f dilaksanakan oleh kerajaan
- (vii) perhubungan kegiatan urusniaga di antara pihak-pihak yang terlibat boleh digambarkan dengan "rajah aliran membulat"

Manakah kombinasi kenyataan di atas yang betul?

- (A) (i) dan (iv)
- (B) (ii), (v) dan (vii)
- (C) (iii), (vi) dan (vii)
- (D) (i), (iv) dan (vii)
- (E) (i), (ii), (iv), (v) dan (vii)

...5/-

- (f) Keluaran Negara (KN), Pendapatan Negara (PN) dan Perbelanjaan Negara (BN) adalah konsep-konsep yang berbeza dalam mengukur kekayaan yang sama. Konsep di atas yang paling hampir dengan  $C + I + G + (X-M)$  ialah :

- A : KN  
 B : PN  
 C : BN  
 D : KDNK  
 E : Tak dapat dipastikan

- (g) Kaji konsep-konsep berikut yang telah dipelajari

$$(i) = C + I + G + (X-M) + FFN - T_i + \text{Subsidi}$$

$$(ii) = Y_w + Y_i + Y_{\pi} + Y_D + Y_R + FFN + \text{Susutnilai}$$

$$(iii) = \sum_{i=1}^n VA_i + FFN$$

Persamaan (i), (ii), dan (iii) di atas mencapai titik persamaan pada :

- A : KDNK  
 B :  $KNK_{kf}$   
 C : KNB  
 D :  $KNB_{kf}$   
 E : Pendapatan Negara

- (h) Sebuah ekonomi tertutup tiga sektor yang mempunyai fungsi  $C = bY_d$ ,  $I = \bar{I} + aY$ ,  $G = \bar{G}$ , dan  $T = tY$  akan mempunyai persamaan keseimbangan bentuk trengkasnya seperti berikut :

$$A : \frac{\bar{I} + \bar{G}}{1 - b + bt}$$

$$B : \frac{a + \bar{I} + \bar{G}}{1 - b + bt}$$

$$C : \frac{a + \bar{I} + \bar{G} - b\bar{T}}{1 - b + bt - i}$$

$$D : \frac{\bar{I} + \bar{G}}{1 - b - bt}$$

$$E : \frac{\bar{I} + \bar{G}}{1 - b + bt - i}$$

- (i) Apabila  $C = 10 + 0.5Y_d$ , dan  $T = 0.2Y$  maka fungsi tabungan yang "berkembar" dengan C ialah

(i)  $S = -10 + 0.5Y$

(ii)  $S = -10 + 0.5Y_d$

(iii)  $S = -10 + 0.4Y$

(iv)  $S = -10 - 0.5Y_d$

(v)  $S = -10 - 0.4Y$

A : (i) sahaja betul


B : (ii) sahaja betul

C : (iii) sahaja betul

D : (ii) dan (iii) sahaja betul

E : Semua betul

(j) Teliti rajah dan kenyataan berikutnya :



(i) :  $(X-M) > 0$

(ii) : Eksport bersih = 0

(iii) : imbangan perdagangan negatif

(iv) : garisan imbangan perdagangan

(v) : paksi X, M

[SEW 213]

- A : Semua kenyataan di atas betul
- B : Semua kenyataan di atas betul kecuali (ii) salah
- C : Hanya Keenyataan (i), (ii), dan (iii) betul
- D : Hanya kenyataan (i) salah
- E : Hanya kenyataan (v) salah

(k) Kaji data ekonomi di bawah dan kenyataan berikutnya :

	<u>KNK nominal</u>	<u>Deflator KNK</u>
1986	RM2000j	100
1987	RM2400j	113

- (i) KNK 1987 pada harga tetap 1986 ialah RM2123.89j
- (ii) Kadar pertumbuhan KNK benar di antara 1986 hingga 1987 ialah 6.2%
- (iii) Kadar inflasi di antara 1986 hingga 1987 ialah 17.8%

- A : Semua kenyataan di atas salah
- B : Semua kenyataan di atas betul
- C : Hanya (i) dan (ii) betul
- D : Hanya (i) betul
- E : Tak dapat dipastikan

(l) KNK harga pasaran sebuah ekonomi ialah RM3000juta, Elaun susutnilai modal 10% daripada KNK, cukai tak langsung bersih sebanyak RM300 juta, dan bayaran faktor asing bersih (FFN) RM50 juta

- (i) Pendapatan negara ialah RM2400 juta
- (ii) KDNK RM3050 juta
- (iii) Jika subsidi ialah 0.10 daripada KNK, cukai tak langsung ialah RM300 juta

[SEW 213]

- A : Semua kenyataan di atas betul  
 B : Semua kenyataan di atas salah  
 C : Hanya (i) dan (ii) betul  
 D : Hanya (i) dan (iii) betul  
 E : Hanya (ii) dan (iii) betul

- (m) Soalan ini berhubung dengan perakaunan nilai tambah. Jadual di bawah menunjukkan jualan akhir dan pembelian barangan pertengahan oleh firma-firma di dalam industri pengeluaran kereta.

<u>Firma</u>	<u>Jualan Akhir</u>	<u>Pembelian Barangan Pertengahan</u>
Pengeluar kereta	1000	270
Pengeluar cermin kereta	100	12
Pengeluar tayar	93	30
Pengeluar radio kereta	30	5
Pengeluar keluli	47	0

Sumbangan industri pengeluaran kereta kepada KNK ialah :

- A : 730  
 B : 1000  
 C : 1270  
 D : 953  
 E : Tak dapat ditentukan

- (n) Jika MPC = 0.6 bagi sebuah ekonomi dua sektor, dan pelaburannya ditambah sebanyak \$30juta, maka

- (i) kenaikan output keseimbangan ialah \_\_\_\_\_, dan  
 (ii) daripada jumlah kenaikan output itu, \_\_\_\_\_ digunakan untuk permintaan penggunaan

- A : (i) \$75juta (ii) \$75juta  
 B : (i) \$75juta (ii) \$ 0juta  
 C : (i) \$30juta (ii) \$45juta  
 D : (i) \$30juta (ii) \$75juta  
 E : (i) \$75juta (ii) \$45juta

...10/-

(o) Pelaburan terancang ekonomi 2-sektor ialah \$150juta. Pendudukaya digalak meningkatkan tabungan. Fungsi penggunaan telah berubah daripada  $C=0.7Y$  kepada  $C=0.5Y$ . Maka

- (i) Tingkat pendapatan keseimbangan \_\_\_\_\_ sebanyak \_\_\_\_\_  
 (ii) Bahagian keseimbangan pendapatan yang disimpan \_\_\_\_\_ kepada \_\_\_\_\_

- A : (i) jatuh, \$200juta                      (ii) bertambah, \$200juta  
 B : (i) meningkat, \$200juta                (ii) bertambah, \$100juta  
 C : (i) jatuh, \$200juta                      (ii) kekal, \$150juta  
 D : (i) jatuh, \$200juta                      (ii) turun, \$200juta  
 E : (i) jatuh, \$200juta                      (ii) jatuh, \$100juta

**Nota:** [Gunakan maklumat berikut untuk menjawab soalan (p) dan (q)]

Sebuah ekonomi tertutup mempunyai maklumat seperti berikut :

$$C = 10 + 0.7Y_d$$

$$I = 80$$

$$G = 120$$

$$T = 0.2Y$$

Keseimbangan output yang dirancang ( $Y_f$ ) = 500

(p) Keseimbangan output yang tercapai ( $Y_e$ ) ekonomi ini berbanding dengan  $Y_f$  ialah

- A :  $Y_e = Y_f$   
 B :  $Y_e > Y_f$  sebanyak 22.72  
 C :  $Y_e < Y_f$  sebanyak 22.72  
 D :  $Y_e < Y_f$  sebanyak 472.27  
 E :  $Y_e > Y_f$  sebanyak 472.27

(q) Apabila ekonomi telah mencapai tingkat keseimbangan gunatenaga penuh  $Y_f=500$ , jumlah tabungan ekonomi ini ialah :

A : 110

B : 120

C : 130

D : 140

E : 150

**Nota:** [Maklumat untuk soalan (r) hingga soalan (t)]

MPC = 0.8 (kecenderungan mengguna sut)

MPT = 0.2 (kecenderungan cukai sut)

MPM = 0.2 (kecenderungan import sut)

Apabila dasar galakan eksport dilaksanakan, jumlah eksport meningkat sebanyak \$50juta

(r) Akibat dari dasar galakan eksport,tingkat keseimbangan pendapatan negara

A : bertambah, lebih daripada 100

B : Bertambah, kurang daripada 100

C : Bertambah 100

D : Tak berubah

E : Berkurangan

(s) Imbangan perdagangan pada keseimbangan output \_\_\_\_\_

A : meningkat sebanyak 17.9

B : meningkat sebanyak 32.1

C : merosot 17.9

D : Tak berubah pada  $X-M = 0$

E : Tiada jawapan di atas

(t) Jika kerajaan kurangkan import sebanyak \$50juta, pada keseimbangan 'output', jawapan yang paling hampir ialah:

A :  $X-M = (-50)$

B :  $X-M = 50$

C :  $X-M = 0$

D :  $X-M = (-32.1)$

E :  $X-M = 32.1$

**BAHAGIAN B** [40 markah]Jawab **SEMUA** soalan dari Bahagian ini.**SOALAN 2** [20 markah]

Andaikan sebuah ekonomi empat sektor mempunyai struktur berikut:

$$C = a + bY_d$$

$$T = \bar{T} + tY$$

$$X = \bar{X}$$

$$G = \bar{G}$$

$$M = \bar{M} + mY$$

di mana:

$$a = 30 \quad \bar{I} = 400 \quad \bar{T} = 200 \quad \bar{X} = 400 \quad \bar{M} = 200$$

$$b = 0.5 \quad t = 0.3 \quad m = 0.1 \quad \bar{G} = 500$$

- (i) Tentukan nilai tingkatan keseimbangan KNK, penggunaan, tabungan dan cukai.

[8 markah]

- (ii) Apakah nilai kecenderungan sut menabung?

[2 markah]

- (iii) Apakah nilai kadar bocoran marginal?

[2 markah]

- (iv) Pada tingkat keseimbangan KNK, adakah berlaku belanjawan kerajaan lebihan atau defisit?

[2 markah]

Berapa banyak?

[2 markah]

- (v) Apakah kedudukan imbangan perdagangan pada ketika berlaku keseimbangan pendapatan?

[2 markah]

- (vi) Apakah tingkat keseimbangan KNK yang baru jika perbelanjaan kerajaan bertambah sebanyak \$30 juta.

[2 markah]

...14/-

**SOALAN 3** [20 markah]

Kaji maklumat Pendapatan Negara yang diperolehi dari sebuah ekonomi berikut:

Pendapatan Negara Bagi Negara A Tahun 1994

(Pengukuran Output-Perbelanjaan dan Pengukuran Pendapatan didapati berbeza sedikit oleh kerana masalah anggaran).

Pengukuran Output-Perbelanjaan		Pengukuran Pendapatan	
	RM (Juta)	Sumber pendapatan	RM (Juta)
Penggunaan (C)	194,673	Penggajian	180,342
Pelaburan (I)	55,143	Kerja Sendiri	26,885
Perbelanjaan Kerajaan (G)	69,655	Keuntungan	47,900
Export Bersih (X - M)	-(116)	Lain-lain	5,845
<input type="text" value="A"/> = <input type="text" value="a"/>		<input type="text" value="E"/> = <input type="text" value="e"/>	
Pendapatan Harta Bersih dari Luar Negara	3,304	Pendapatan Harga Bersih dari Luar Negara	3,304
<input type="text" value="B"/> = <input type="text" value="b"/>		<input type="text" value="F"/> = <input type="text" value="f"/>	
Cukai Tak Langsung Bersih	44,781	Susutnilai Modal	38,371
<input type="text" value="C"/> = <input type="text" value="c"/>		<input type="text" value="G"/> = <input type="text" value="g"/>	
Susutnilai modal	38,371		
<input type="text" value="D"/> = <input type="text" value="d"/>			

Kotak-kotak A, B, C, D, E, F dan G mewakili berbagai konsep pendapatan negara manakala a, b, c, d, e dan f adalah nilai-nilai mereka (RM juta).

- (i) Namakan semua konsep yang berkaitan dan tuliskan nilai-nilai mereka.

[10 markah]

- (ii) Andaikan D dan G adalah konsep yang sama, kenapakah nilai mereka berbeza? Berikan contoh jika perlu.

[2 markah]

...15/-

[SEW 213]

- (iii) Konsep A semestinya mempunyai nilai yang lebih besar daripada konsep E. Adakah anda bersetuju? Kenapa?

[3 markah]

- (iv) Apakah masalah-masalah yang dihadapi bagi mendapati maklumat yang tepat bagi perakaunan Pendapatan negara di atas?

[5 markah]

**BAHAGIAN C** [40 markah]Jawab **DUA** (2) soalan sahaja dari Bahagian ini.**SOALAN 4** [20 markah]

- (a) (i) Apakah pembolehbuah-pembolehubah dasar ekonomi yang termasuk ke dalam kategori suntikan? Kenapakah mereka penting kepada ekonomi?

[8 markah]

- (ii) Jika  $J = \bar{A} - \alpha r$  di mana  $J$  ialah jumlah suntikan ekonomi,  $\bar{A}$  suntikan autonomous dan  $r$  kadar bunga, apakah maksud  $\alpha$ ? Jelaskan kepentingan  $\alpha$  dalam perhubungan  $J$  dengan  $r$ .

[6 markah]

- (iii) Diberikan  $\bar{A} = 100$  dan  $\alpha = 500$ , bagi fungsi (ii) di atas, tentukan keseimbangan output apabila  $r = 10$  peratus, dan fungsi bocoran ekonomi diketahui sebagai  $W = -20 + 0.2Y$ . Tunjukkan jalan pengiraan anda.

[6 markah]

**SOALAN 5** [20 markah]

- (i) Apakah maksud keseimbangan pasaran wang? Jika jumlah stok wang ialah 150, dan fungsi permintaan wang diketahui sebagai  $MD = 0.2Y - 100r$ , carikan nilai  $Y$  pada kadar bunga  $r$  sama juga 10 peratus.

[8 markah]

...16/-

[SEW 213]

- (ii) Menggunakan maklumat dari (i), terbitkan keluk LM menggunakan rajah empat-sukuan. Berikan penjelasan bagaimana keluk LM itu diterbitkan.  
[8 markah]
- (iii) Apakah maksud suatu titik di sebelah kanan keluk LM? Apakah dasar yang sesuai bagi mencapai keseimbangan  $Y$  yang lebih tinggi dalam pasaran wang tanpa mengubah tingkah kadar bunga ( $r$ )?  
[4 markah]


**SOALAN 6** [20 markah]

- (i) Apakah makna imbalan perdagangan lebihan dan apakah bezanya dengan imbalan pembayaran lebihan?  
[6 markah]
- (ii) Jika nilai eksport negara ialah RM500 juta dan fungsi import diperolehi sebagai  $M = 100 - 0.15Y$ , tentukan sama ada imbalan perdagangan negara mengalami lebihan pada  $Y = \text{RM}4000$  juta.  
[6 markah]
- (iii) Huraikan dengan ringkas bagaimana anda boleh terbitkan keluk imbalan pembayaran (BP) ekonomi dengan maklumat eksport dan import seperti (ii) di atas serta maklumat fungsi akaun modalnya  $KA = 100 + 1000r$ .  
[8 markah]

**SOALAN 7** [20 markah]

- (i) Jika keseimbangan ekonomi dalam negeri digambarkan seperti rajah di bawah, lukiskan kelok BP yang lebih curam daripada kelok keseimbangan pasaran wang dalam negeri bagi menunjukkan imbangan pembayarannya lebihan.

[3 markah]



- (ii) Bincangkan dasar-dasar sesuai bagi mencapai keseimbangan dalaman dan luaran ekonomi ini tanpa meningkatkan kadar bunga ( $r$ ), tetapi  $Y$  boleh jika dikehendaki.

[10 markah]

- (iii) Apakah keburukan-keburukan jika negara mengalami lebihan yang terlalu besar? Bagaimanakah pula jika negara mengalami imbangan pembayaran kurangan?

[7 markah]

-- oo o0o oo --

